

Maxis Group Privacy Notice To Third Parties

Effective Date: 15 August 2025

Last Reviewed Date: 23 November 2021

This Maxis Group Privacy Notice explains how Maxis Berhad and its subsidiaries—including Maxis Mobile Sdn. Bhd., Maxis Mobile Services Sdn. Bhd., Maxis Broadband Sdn. Bhd., Maxis International Sdn. Bhd., as well as other companies within the Maxis Group including Enterprise Managed Services Sdn. Bhd. and Maxis Green Solutions Sdn. Bhd (collectively referred to as "Maxis", "us" or "we") process your personal data and sensitive personal data, including collect, use, disclose, retain, dispose and protect your personal data and sensitive personal data (if any) ("Privacy Notice") in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), its amendment, subsidiary legislation, order or standard pursuant to the PDPA, the Personal Data Protection Code of Practice for the Communications Class of Data Controllers 2017, General Code of Practice of Personal Data Protection 2022 and other applicable laws of Malaysia.

By providing your personal data and sensitive personal data , to us, you are consenting to the processing of your personal data and sensitive personal data as described in this Privacy Notice. We may also process your personal data and sensitive personal data (if any) to the extent, permitted by law. If you are a legal entity incorporated under the Companies Commission Malaysia, by providing (i) your personal data and sensitive personal data (if you incorporated your legal entity as a sole proprietor or partnership); or (ii) you incorporated entity is other than sole proprietor or partnership; and, you are agreeing to the provisions of this Privacy Notice and are representing and warranting that you have obtained such individual's agreement to the provisions of this Privacy Notice and his/her consent to the processing of his/her personal data and sensitive personal data (if any) as described in this Privacy Notice.

1. Defining Personal Data and Sensitive Personal Data

Personal data is defined in the PDPA and refer to any information that relates directly or indirectly to you, from which you may be identified ("Personal Data"). Sensitive personal data is defined in the PDPA as any personal data consisting of information as to your physical or mental health or condition, your biometric data, your political opinions, your religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission by you of any offence or any other Personal Data as the relevant Minister may determine by order published in the Gazette ("Sensitive Personal Data").

For the avoidance of doubt, please note that this Privacy Notice is applicable if you are, amongst others, a potential supplier, vendor, service provider, contractor, consultant, dealer, reseller, distributor, system integrator, content provider, digital solution provider or business partner to Maxis, including a natural person trading as a sole trader or natural persons constituting a partnership incorporated under Company Commission Malaysia. This Privacy Notice is also applicable if you are no longer a supplier, vendor, service provider, contractor, consultant, dealer, reseller, distributor, system integrator, content provider or digital solution provider or business partner to Maxis, where there are outstanding legal and/or contractual obligations either on your part or on Maxis' part.

2. Types Of Personal Data and Sensitive Personal Data Processed

The Personal Data and Sensitive Personal Data that are processed by us may include but not limited to the following:-

- 2.1. Your business contact information, including the name of your entity, and the names of individuals constituting your board of directors, shareholders, authorised signatories, and relevant personnel involved in the supply or provision of products and/or services ("Authorised Individuals"), current address, contact numbers (landline and/or mobile), fax number, and email address;
- 2.2. The identification details of your Authorised Individuals, including supporting identification documents (such as NRIC or passport number), gender, nationality, and race, as well as your entity's registration number with the Companies Commission Malaysia, collected solely for business purposes in connection with the relevant commercial arrangement with Maxis, including for identity verification where applicable;
- 2.3. Your financial details including banking account details and payment history, if any;
- 2.4. Recording of your image or images of individuals representing you or acting on your behalf or on your authority via CCTV cameras when you or such individuals visit our premises, including our branches. Recording via CCTV cameras at our premises may involve the collection and processing of biometric data, where such technology is deployed; and
- 2.5. Any recordings captured through our communication platform(s) (such as telephone recordings, Microsoft teams and etc).

Your decision not to provide the requested Personal Data and Sensitive Personal Data, may prevent us from processing your application to be on our panel of third parties or continuing our business relationships with you.

3. Source of Personal Data and Sensitive Personal Data Processed

We process your Personal Data and Sensitive Personal Data from:

- 3.1. Your communication with us to become our supplier, vendor, service provider, contractor, consultant, dealer, reseller, distributor, system integrator, content provider, digital solution provider or business partner;
- 3.2. Your communication with us through telephone calls, text messages, emails or other digital channels for any purpose including for any enquiries; in relation to registration of interest, RFX (namely, Request for Information, Request for Quotation, Request for Proposal, Request for Tender or other documents with similar functions or purposes) or contract requirements or potential supply, or making available, of products and/or services;
- 3.3. Your communication with us where there are outstanding obligations either on your part or on Maxis' part, if you are no longer associated with Maxis in a commercial capacity;
- 3.4. Your use of our Wi-Fi network for free when you visited any of Maxis' premises;
- 3.5. Your use of our products, services, systems and applications as part of our business relationship with you;
- 3.6. Your acknowledgment and/or agreement to and/or provide your response to compliance-related documents that we send to you, including but not limited to this Privacy Notice, anti-bribery and corruption compliance and cybersecurity compliance;
- 3.7. When you participate in our surveys and/or respond to our questionnaires, and when you use or interact with any of our digital applications and/or visit any of our websites or social media pages;

Other than the Personal Data and Sensitive Personal Data that we obtain from you (as detailed above), we may also obtain your Personal Data and Sensitive Personal Data from third parties we deal with or are connected with you (for example, credit reference/reporting agencies or financial institutions), and from such other sources where you have given your consent for the disclosure of Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) relating to you, and/or where otherwise lawfully permitted.

4. Reason for Processing Your Personal Data and Sensitive Personal Data

We process your Personal Data and Sensitive Personal Data of your board of directors, shareholders, authorized signatories and relevant personnel's Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) which you provide to us, for the following purposes:

- 4.1. To verify your identity;
- 4.2. To facilitate business transactions and engagements between you and Maxis Group, including registration and participation in RFX processes, the potential supply or provision of products and/or services, and any business collaboration;
- 4.3. For the purpose of evaluating participation in RFX processes and the potential supply or provision of products and/or services between you and Maxis ;
- 4.4. For internal record keeping as may be required by law or under the purview of any relevant supervisory authorities or regulatory bodies including but not limited to the

Personal Data Protection Commission, Malaysian Communications and Multimedia Commission, Central Bank of Malaysia, Securities Commission of Malaysia, Bursa Malaysia, Inland Revenue Board;

- 4.5. For internal governance, compliance, auditing, risk management, security processes, assessing adherence to our policies, and ensuring the security of our assets and personnel;
- 4.6. To defend or enforce our legal rights and property, investigate and respond to claims involving Maxis, and maintain records for these legal and security purposes;
- 4.7. To comply with legal and regulatory requirements, and for other purposes required or permitted by law, regulations, or relevant governmental authorities;
- 4.8. To establish and manage our business relationship with you, including maintaining contact, providing requested information, and processing your communications (such as queries, complaints, and feedback);
- 4.9. To assess and/or verify your creditworthiness;
- 4.10. To detect and/or prevent fraudulent activity;
- 4.11. To produce data, reports and statistics;
- 4.12. For any purposes as set out in the Maxis Group websites' Terms of Use or in the Maxis Fair Usage Policy or in any other terms and conditions referenced in any of the aforementioned documents;
- 4.13. For any other purposes that are incidental or ancillary or in furtherance to the above purposes which are not specifically mentioned herein;

(hereinafter referred to as "Purposes").

5. Disclosure of Your Personal Data and Sensitive Personal Data

We may disclose your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) to the following third parties, within or outside of Malaysia, where necessary and subject at all times to the relevant law:

- 5.1. Credit reference/reporting agencies, including but not limited to the Insolvency Department of Malaysia, Central Credit Reference Information System ("CCRIS"), Credit Tip-Off Service ("CTOS"), Experian, Credit Bureau Malaysia and other authorised bodies for credit reporting, to assess creditworthiness, to the extent permitted by law;
- 5.2. Government bodies, agencies or entities, to meet our legal and regulatory obligations;
- 5.3. Government bodies, agencies or entities, for the purpose of procuring or obtaining licenses and/or approvals in connection with Maxis' products and/or services;
- 5.4. Law enforcement agencies, for purposes of preventing and/or detecting crime, or for the purpose of investigations or prosecution of offenders and/or protection of national security and/or any purpose that is required or authorised by or under any law or by any order or judgment of a court;

- 5.4 on behalf of Maxis: (i) to enable our appointed service providers to carry out products and/or services ancillary to our products and/or services; (ii) support service delivery including customer service, promotion and marketing, sales, IT, and service personalization; (iii) process payment; (iv) conduct fraud and credit checks, debt collection, and protection of our legal rights; (v) analyse data, including interactions between our products and/or services and related parties' products and/or services; (vi) conduct surveys; (vii) fulfil any purpose outlined in this Privacy Notice;
- 5.5 other business entities and/or our other business partners, where you have given your consent (and such consent has not been withdrawn) for processing your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) including those of your board of directors, shareholders, authorized signatories and relevant personnel (if applicable).

6. Processing Your Personal Data and Sensitive Personal Data Outside of Malaysia

We primarily process your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) within Malaysia. However, in certain cases, such as when our service providers, other business entities and/or business partners which operate outside of Malaysia, your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) may be processed outside of Malaysia. Your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) may be transferred to any place outside of Malaysia that has: (i) personal data protection law which is substantially similar to the PDPA or, (ii) an adequate level of protection in relation to the processing of Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) which is at least equivalent to the level of protection afforded by the PDPA.

7. Protecting Your Personal Data and Sensitive Personal

We are committed to protecting your Personal Data and Sensitive Personal Data in accordance with the PDPA. We implement robust security measures and train our staff to safeguard your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any). Our third-party service providers are contractually obligated and are also subject to data security compliance in accordance with the PDPA to do the same.

You are also responsible to protect your Personal Data and Sensitive Personal Data. Please safeguard your password and avoid sharing it with others.

8. Processing Your Personal Data and Sensitive Personal Data Retention Period

We retain your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) for seven (7) years from the date you cease to be on Maxis' supplier, vendor, service provider, contractor, consultant, dealer, reseller, distributor, system integrator, content provider, digital solution provider or business

partner, unless there are outstanding obligations, debts, disputes, or ongoing fraud investigations, in which case your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) will continue to be retained until resolution.

9. Your Rights

You have the right to:

- 9.1. Access, correct or update your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) including those of your board of directors, shareholders and personnel that we process;
- 9.2. Request for your Personal Data and Sensitive Personal Data (if any) including those of your board of directors, shareholders and personnel (excluding any commercial and/or technical data, directly or indirectly related to you and which is confidential to the way we do our business or operations) to be directly transmitted to another data controller in accordance with PDPA;

Your latest written and/or verbal instructions to us will prevail.

10. Your Obligations

You are responsible for providing accurate and up-to-date Personal Data and Sensitive Personal Data, including that of others you represent or are responsible for. Please inform us of any changes by contacting the Maxis person-in-charge that you have been liaising with. If you provide Personal Data and Sensitive Personal Data on behalf of others (such as board of directors, shareholders and personnel), you confirm and represent that you have informed them of this Privacy Notice and have their consent or legal authority to disclose their Personal Data and Sensitive Personal Data for us to process in accordance with the terms of this Privacy Notice.

In the event that you process any Maxis Personal Data and Sensitive Personal Data, you agree to protect Maxis's Personal Data and Sensitive Personal Data in accordance with the PDPA. You further agree to implement robust security measures and train your staff to safeguard Maxis's Personal Data and Sensitive Personal Data.

11. Updates To Our Privacy Notice

We may update this Privacy Notice from time to time. The latest version will apply and supersede all previous versions, including any printed materials. Please check our website at https://maxis.listedcompany.com/corporate_governance.html regularly for the most current version, indicated by the update date at the top of this Privacy Notice.

12. Our Contact Details

You may contact or submit any queries with regards to the processing of your Personal Data or Sensitive Personal Data to:

Designation:	Head of Data Privacy/ Data Protection Officer
E-mail:	privacy@maxis.com.my
Address:	Maxis Group, Data Privacy Office, Menara Maxis, Level 8, Kuala Lumpur City Centre, off Jalan Ampang, 50088 Kuala Lumpur

Notis Privasi Syarikat Kumpulan Maxis untuk Pihak Ketiga

Tarikh Berkuatkuasa: 15 Ogos 2025

Tarikh Terakhir Disemak: 23 November 2021

Notis Privasi Syarikat Kumpulan Maxis ini menggariskan bagaimana Maxis Berhad dan anak-anak syarikatnya—termasuk Maxis Mobile Sdn. Bhd., Maxis Mobile Services Sdn. Bhd., Maxis Broadband Sdn. Bhd., Maxis International Sdn. Bhd., serta syarikat-syarikat lain dalam Syarikat Kumpulan Maxis termasuk Enterprise Managed Services Sdn. Bhd. dan Maxis Green Solutions Sdn. Bhd. (secara kolektif dirujuk sebagai "Maxis", "kami" atau "kita") memproses data peribadi dan data peribadi sensitif anda dari segi pengumpulan, penggunaan, penzahiran, penyimpanan, pelupusan dan langkah-langkah keselamatan yang kami laksanakan untuk memastikan data peribadi dan data peribadi sensitif anda dilindungi dengan baik selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP"), pindaan, peraturan, perintah atau standard di bawah APDP, Kod Amalan Perlindungan Data Peribadi Untuk Sektor Telekomunikasi 2017, Tata Amalan Umum Perlindungan Data Peribadi 2022 dan undang-undang lain yang terpakai di Malaysia.

Dengan menyerahkan data peribadi dan data peribadi sensitif anda kepada kami, anda bersetuju untuk kami memproses data peribadi dan data peribadi sensitif anda seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Kami juga memproses data peribadi dan data peribadi sensitif anda selaras dengan undang-undang. Jika anda adalah entiti yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dengan memberikan (i) data peribadi dan data peribadi sensitif anda (sekiranya entiti anda diperbadankan sebagai milikan tunggal atau perkongsian); atau (ii) entiti anda diperbadankan selain milikan tunggal atau perkongsian; dan anda menzahirkan data peribadi dan data peribadi sensitif mana-mana individu lain, anda mengesahkan bahawa anda bersetuju dengan peruntukan Notis Privasi ini dan mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperolehi persetujuan individu-individu tersebut terhadap peruntukan Notis Privasi ini dan persetujuan mereka untuk pemprosesan data peribadi dan data peribadi sensitif mereka seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini.

1. Definisi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif

Data peribadi ditakrifkan di dalam APDP dan merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu yang boleh dikenal pasti ("Data Peribadi"). Data peribadi sensitif ditakrifkan dalam APDP sebagai sebarang data peribadi yang terdiri daripada maklumat tentang kesihatan fizikal atau mental anda, data biometrik anda, pendapat politik anda, kepercayaan agama anda atau kepercayaan lain yang serupa, pelakuan atau dakwaan pelakuan sebarang kesalahan oleh anda atau sebarang data peribadi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri berkenaan melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta ("Data Peribadi Sensitif").

Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, sila ambil perhatian bahawa Notis Privasi ini terpakai sekiranya anda, antara lain, merupakan bakal pembekal, vendor, penyedia perkhidmatan, kontraktor, perunding, pengedar, penjual semula, pengedar, integrator perisian, penyedia kandungan, penyedia penyelesaian digital atau rakan niaga kepada Maxis, termasuk individu yang menjalankan perniagaan sebagai pemilik tunggal atau individu yang membentuk perkongsian yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Notis ini juga terpakai sekiranya anda tidak lagi menjadi pembekal, vendor, penyedia perkhidmatan, kontraktor, perunding, pengedar, penjual semula, pengedar, integrator perisian, penyedia kandungan, penyedia penyelesaian digital atau rakan niaga kepada Maxis, sekiranya masih terdapat kewajipan undang-undang dan/atau kontrak yang belum selesai sama ada di pihak anda atau pihak Maxis.

2. Jenis Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang Diproses

Kami akan memproses data peribadi dan data peribadi sensitif anda seperti berikut:-

- 2.1. Maklumat hubungan perniagaan anda, termasuk nama entiti anda, dan nama individu yang membentuk lembaga pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa, serta kakitangan berkaitan yang terlibat dalam pembekalan atau penyediaan produk dan/atau perkhidmatan (“Individu Diberi Kuasa”), alamat semasa, nombor telefon (tetap dan/atau mudah alih), nombor faks, dan alamat e-mel;
- 2.2. Butiran pengenalan Individu Diberi Kuasa anda, termasuk dokumen pengenalan sokongan (seperti nombor MyKad atau nombor pasport), jantina, kewarganegaraan, dan bangsa, serta nombor pendaftaran entiti anda dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”), yang diproses semata-mata untuk tujuan perniagaan berkaitan dengan urusan komersial yang relevan bersama Maxis, termasuk untuk pengesahan identiti jika berkenaan;
- 2.3. Maklumat kewangan anda termasuk butiran akaun bank dan rekod sejarah pembayaran, jika ada;
- 2.4. Rakaman imej anda atau imej individu yang mewakili anda atau bertindak bagi pihak atau atas kuasa anda melalui kamera CCTV apabila anda atau individu tersebut melawat premis kami, termasuk cawangan-cawangan kami. Rakaman melalui kamera CCTV di premis kami mungkin melibatkan pengumpulan dan pemrosesan data biometrik, sekiranya teknologi tersebut digunakan; dan
- 2.5. Sebarang rakaman yang diperoleh melalui platform komunikasi kami (seperti rakaman telefon, Microsoft Teams dan sebagainya).

Keputusan anda untuk tidak memberikan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang diminta, mungkin akan menghalang kami daripada memproses permohonan anda untuk berada dalam panel pihak ketiga kami atau meneruskan hubungan perniagaan kami dengan anda.

3. Sumber Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Yang Diproses

Kami memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda dari:

- 3.1. Komunikasi anda dengan kami untuk menjadi pembekal, vendor, penyedia perkhidmatan, kontraktor, perunding, pengedar, penjual semula, pengedar, integrator sistem, penyedia kandungan, penyedia penyelesaian digital atau rakan niaga kami;
- 3.2. Komunikasi anda dengan kami melalui panggilan telefon, mesej teks, e-mel atau saluran digital lain untuk sebarang tujuan termasuk sebarang pertanyaan; berkaitan dengan pendaftaran minat, RFX (iaitu, Permintaan untuk Maklumat, Permintaan untuk Sebut Harga, Permintaan untuk Cadangan, Permintaan untuk Tender atau dokumen lain yang mempunyai fungsi atau tujuan yang sama) atau keperluan kontrak atau potensi pembekalan, atau penyediaan, produk dan/atau perkhidmatan;
- 3.3. Komunikasi anda dengan kami sekiranya masih terdapat obligasi yang belum diselesaikan sama ada di pihak anda atau pihak Maxis, jika anda tidak lagi mempunyai hubungan komersial dengan Maxis;
- 3.4. Penggunaan rangkaian Wi-Fi percuma kami oleh anda semasa anda melawat mana-mana premis Maxis;
- 3.5. Penggunaan produk, perkhidmatan, sistem dan aplikasi kami oleh anda sebagai sebahagian daripada hubungan perniagaan kami dengan anda;
- 3.6. Pengakuan dan/atau persetujuan anda terhadap dan/atau pemberian maklum balas anda kepada dokumen berkaitan pematuhan yang kami hantar kepada anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada Notis Privasi ini, pematuhan anti-suapan dan ant- rasuah serta pematuhan keselamatan siber;
- 3.7. Apabila anda mengambil bahagian dalam tinjauan kami dan/atau memberi maklum balas kepada soal selidik kami, serta apabila anda menggunakan atau berinteraksi dengan mana-mana aplikasi digital kami dan/atau melawat mana-mana laman web atau halaman media sosial kami;

Selain daripada Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang kami peroleh daripada anda (seperti yang dinyatakan di atas), kami juga mungkin memperoleh Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda daripada pihak ketiga yang berurusan dengan kami atau yang mempunyai kaitan dengan anda (sebagai contoh, agensi rujukan/laporan kredit atau institusi kewangan), serta daripada sumber-sumber lain di mana anda telah memberikan kebenaran untuk penzahiran Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang berkaitan dengan anda, dan/atau jika dibenarkan secara sah oleh undang-undang.

4. Sebab Pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Kami memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif ahli lembaga pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa dan kakitangan berkaitan yang anda berikan kepada kami, untuk tujuan-tujuan berikut:

- 4.1. Untuk mengesahkan identiti anda;
- 4.2. Untuk memudahkan urusan niaga dan penglibatan perniagaan antara anda dan Syarikat Kumpulan Maxis, termasuk pendaftaran dan penyertaan dalam proses RFX, potensi pembekalan atau penyediaan produk dan/atau perkhidmatan, serta sebarang kerjasama perniagaan;

- 4.3. Untuk tujuan penilaian penyertaan dalam proses RFX dan potensi pembekalan atau penyediaan produk dan/atau perkhidmatan antara anda dan Maxis;
- 4.4. Untuk penyimpanan rekod dalaman sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang atau di bawah bidang kuasa mana-mana pihak berkuasa pengawasan atau badan kawal selia yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- 4.5. Untuk tadbir urus dalaman, pematuhan, pengauditan, pengurusan risiko, proses keselamatan, penilaian pematuhan terhadap dasar-dasar kami, dan memastikan keselamatan aset serta kakitangan kami;
- 4.6. Untuk mempertahankan atau menguatkuasakan hak undang-undang dan harta kami, menyasat dan memberi maklum balas terhadap tuntutan yang melibatkan Maxis, serta menyimpan rekod bagi tujuan undang-undang dan keselamatan;
- 4.7. Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan, serta untuk tujuan-tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, atau pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan;
- 4.8. Untuk mewujudkan dan mengurus hubungan perniagaan kami dengan anda, termasuk mengekalkan hubungan, menyediakan maklumat yang diminta, dan memproses komunikasi anda (seperti pertanyaan, aduan dan maklum balas);
- 4.9. Untuk menilai dan/atau mengesahkan status kewangan/kredit anda;
- 4.10. Untuk mengesan dan/atau mencegah aktiviti penipuan;
- 4.11. Untuk menghasilkan data, laporan dan statistik;
- 4.12. Untuk sebarang tujuan seperti yang dinyatakan dalam Terma Penggunaan laman web Syarikat Kumpulan Maxis atau dalam Polisi Penggunaan Saksama Maxis atau dalam mana-mana terma dan syarat lain yang dirujuk dalam mana-mana dokumen tersebut;
- 4.13. Untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan atau bagi melaksanakan tujuan-tujuan di atas yang tidak dinyatakan secara khusus di sini;

(selanjutnya dirujuk sebagai “Tujuan”).

5. Penzahiran Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Kami mungkin menzahirkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda kepada pihak ketiga berikut, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, jika perlu dan tertakluk pada setiap masa kepada undang-undang yang berkaitan;

- 5.1. Agensi rujukan/laporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada Jabatan Insolvensi Malaysia, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”), Credit Tip-Off Service (“CTOS”), Experian, Credit Bureau Malaysia dan badan-badan yang diberi kuasa lain untuk pelaporan kredit, bagi tujuan penilaian status kewangan/kredit, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang;
- 5.2. Badan, agensi atau entiti kerajaan, bagi memenuhi kewajipan undang-undang dan peraturan kami;

- 5.3. Badan, agensi atau entiti kerajaan, bagi tujuan mendapatkan atau memperolehi lesen dan/atau kelulusan yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan Maxis;
- 5.4. Agensi penguatkuasaan undang-undang, bagi tujuan pencegahan dan/atau pengesanan jenayah, atau bagi tujuan siasatan atau pendakwaan pesalah dan/atau perlindungan keselamatan negara dan/atau sebarang tujuan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau melalui sebarang perintah atau penghakiman mahkamah;
- 5.4. Bagi pihak Maxis: (i) untuk membolehkan penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami melaksanakan produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami; (ii) menyokong penyampaian perkhidmatan termasuk khidmat pelanggan, promosi dan pemasaran, jualan, IT, dan pemperibadian perkhidmatan; (iii) memproses pembayaran; (iv) menjalankan semakan penipuan dan kredit, kutipan hutang, dan perlindungan hak undang-undang kami; (v) menganalisis data, termasuk interaksi antara produk dan/atau perkhidmatan kami dengan produk dan/atau perkhidmatan pihak berkaitan; (vi) menjalankan tinjauan; (vii) memenuhi mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini;
- 5.5. Entiti perniagaan lain dan/atau rakan perniagaan kami yang lain, di mana anda telah memberikan kebenaran (dan kebenaran tersebut belum ditarik balik) untuk memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda termasuk data ahli lembaga pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa dan kakitangan berkaitan anda (jika berkenaan).

6. Pemprosesan Data Peribadi Anda dan Data Peribadi Sensitif Anda di Luar Malaysia

Kami secara amnya memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, seperti apabila penyedia perkhidmatan kami, entiti perniagaan lain dan/atau rakan perniagaan yang beroperasi di luar Malaysia, Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda mungkin akan diproses di luar Malaysia. Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda juga mungkin akan dipindahkan ke luar Malaysia yang mempunyai: (a) undang-undang perlindungan data peribadi yang pada asasnya serupa dengan APDP atau, (b) tahap perlindungan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang sekurang-kurangnya setara dengan APDP.

7. Melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Kami mengutamakan perlindungan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda selaras dengan APDP. Kami melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang kukuh dan melatih kakitangan kami untuk melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami diwajibkan secara kontrak dengan kami dan mereka juga terikat kepada pematuhan keselamatan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif di bawah APDP untuk berbuat demikian.

Anda juga mempunyai tanggungjawab untuk melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda. Sila pastikan kata laluan anda dilindungi dengan sewajarnya dan elakkan dari berkongsi kata laluan dengan orang lain.

8. Tempoh Penyimpanan Pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Kami akan menyimpan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda selama tujuh (7) tahun dari tarikh anda tidak lagi menjadi pembekal, vendor, penyedia perkhidmatan, kontraktor, perunding, pengedar, penjual semula, rakan niaga, penyedia kandungan, penyedia penyelesaian digital atau integrator perisian kepada Maxis, kecuali terdapat kewajipan undang-undang dan/atau kontrak yang belum selesai sama ada di pihak anda atau pihak Maxis, hutang, pertikaian atau siasatan penipuan yang sedang berlangsung, dalam hal ini Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda akan terus disimpan sehingga penyelesaian dicapai.

9. Hak Anda

Anda mempunyai hak untuk:

- 9.1. Mengakses, memperbetulkan atau mengemaskini Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda termasuk data ahli lembaga pengarah, pemegang saham dan kakitangan anda yang kami proses;
- 9.2. Memohon supaya Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda termasuk data ahli lembaga pengarah, pemegang saham dan kakitangan anda (tidak termasuk sebarang data komersial dan/atau teknikal yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan yang merupakan maklumat sulit kepada cara kami menjalankan perniagaan atau operasi) dipindahkan secara langsung kepada pengawal data lain selaras dengan APDP;

Arahan bertulis dan/atau lisan terkini anda kepada kami akan digunakan.

10. Kewajipan Anda

Anda bertanggungjawab untuk memberikan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang tepat dan terkini, termasuk data milik pihak lain yang anda wakili atau bertanggungjawab ke atasnya. Sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dengan menghubungi wakil Maxis yang anda telah berurusan. Jika anda memberikan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif bagi pihak pihak lain (seperti ahli lembaga pengarah, pemegang saham dan kakitangan), anda mengesahkan dan menyatakan bahawa anda telah memaklumkan mereka mengenai Notis Privasi ini dan telah mendapat kebenaran mereka atau kuasa undang-undang untuk menzahirkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif mereka untuk diproses oleh kami selaras dengan terma Notis Privasi ini.

Sekiranya anda memproses sebarang Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif milik Maxis, anda bersetuju untuk melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Maxis selaras dengan APDP. Anda juga bersetuju untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang kukuh dan melatih kakitangan anda untuk melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Maxis.

11. Kemas Kini Notis Privasi

Kami mungkin meminda Notis Privasi ini secara berkala. Versi terkini akan terpakai serta menggantikan semua versi terdahulu, termasuk sebarang bahan bercetak. Sila semak laman web kami di https://maxis.listedcompany.com/corporate_governance.html secara berkala untuk versi terkini seperti yang dipaparkan tarikh kemas kini di bahagian atas Notis Privasi ini.

12. Butiran Hubungan Kami

Anda boleh menghubungi atau mengemukakan pertanyaan anda berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi atau Data Peribadi Sensitif anda kepada:

Designation:	Ketua Jabatan Data Peribadi / Pegawai Perlindungan Data
E-mail:	privacy@maxis.com.my
Address:	Kumpulan Maxis, Pejabat Data Privasi, Menara Maxis, Aras 8, Pusat Bandar Kuala Lumpur, off Jalan Ampang, 50088 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan